

**KENYATAAN MEDIA
PENANGGUHAN KEMASUKAN SEMUA PELAJAR BAHARU DAN PELAJAR
KANAN
BAGI SESI AKADEMIK 2020/2021 UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG (UMP)**

Merujuk kenyataan media Kementerian Pengajian Tinggi bertarikh 2 Oktober 2020 mengenai Penangguhan Pendaftaran Secara Fizikal/Bersemuka Pelajar IPT Kemasukan Oktober 2020, Universiti Malaysia Pahang (UMP) telah membuat keputusan berikut:

1. Semua pelajar baharu akan membuat pendaftaran secara dalam talian (5 hingga 9 Oktober 2020) dan tarikh kehadiran ke kampus akan dimaklumkan kemudian. Pelaksanaan Minggu Induksi Siswa (MINDS) akan diteruskan mengikut jadual secara dalam talian.
2. Semua pelajar kanan yang belum kembali ke kampus hendaklah menangguhkan dahulu kepulangan mereka sehingga ke suatu tarikh yang akan dimaklumkan kelak. Manakala, pelajar yang telah berada di kampus dinasihatkan untuk terus kekal di kampus.
3. Aktiviti pengajaran dan pembelajaran akan dilaksanakan secara dalam talian. Bagi pelajar yang mempunyai masalah capaian internet hendaklah berhubung serta berbincang dengan Dekan atau Pensyarah Kursus masing-masing.
4. Semua peperiksaan akhir yang dijadualkan akan **ditangguhkan** ke suatu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.
5. Semua Ketua Pusat Tanggungjawab dan pelajar UMP dinasihatkan supaya mengambil langkah waspada dalam mencegah risiko penularan wabak COVID-19 di UMP dengan mematuhi sepenuhnya SOP yang ditetapkan dan mengutamakan langkah-langkah keselamatan.
6. UMP akan terus memantau perkembangan penularan wabak ini melalui maklumat yang diperolehi daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Sebarang pertanyaan berkaitan boleh menghubungi Bilik Gerakan Bencana UMP di talian 09-5493333 (UMP Gambang) atau 09-4246999 (UMP Pekan)

Dikeluarkan oleh:

**Pejabat Naib Canselor
Universiti Malaysia Pahang
2 Oktober 2020**